

MCORP meterai tiga perjanjian, strategi rancakkan GTP

Liana Sahabudin

AYER KEROH – Perbadanan Melaka (MCORP) memeterai tiga perjanjian yang dianggap sebagai strategi penting untuk merancakkan pembangunan Taman Teknologi Jerman atau German Technology Park (GTP).

Perjanjian itu melibatkan Cy-

park Resource Berhad (Cypark) bagi Memorandum Perjanjian (MoA) dan dua Memorandum Persefahaman (MoU) melibatkan institusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) iaitu German Malaysia Institute (GMI) serta pemain industri automotif Volkswagen Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif

MCORP, Datuk Mohd Yusof Abu Bakar berkata ketiga-tiga perjanjian dimeterai itu bertujuan untuk menyediakan latihan dan tenaga kerja berkemahiran dalam teknologi hijau sesuai dengan kehendak operasi GTP.

“MoU bersama GMI dan Volkswagen adalah bagi tujuan menyediakan latihan dan melahir-

kan tenaga kerja untuk menampung keperluan GTP yang bakal memulakan operasi tidak lama lagi.

“Manakala perjanjian utama MCORP dengan Cypark adalah sebagai penyedia perkhidmatan tenaga hijau solar. Teknologi hijau adalah salah satu elemen dalam pembangunan GTP berikutan itu kita perlu melakukan persediaan untuk memastikan bekalan tenaga diperlukan mencukupi,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada Melaka Hari Ini selepas menghadiri majlis perasmian

Deutscher Brand Summit 2024 Conference & Exhibition yang disempurnakan Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), di sini, 15 Oktober lalu.

Mengulas lanjut, Mohd Yusof berkata pihak Cypark bersetuju memberikan kerjasama dalam menyediakan keperluan tenaga hijau kepada kawasan GTP.

“Pihak Cypark bersetuju bersama MCORP untuk memberikan keperluan tenaga hijau di kawasan GTP nanti,” katanya.



MOHD Yusof (duduk, tiga dari kiri) ketika menandatangani perjanjian bersama wakil industri dan institusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) bagi menampung keperluan Taman Teknologi Jerman yang turut disaksikan Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh dan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Buruh dan Pelancongan Baden-Wurtemberg, Jerman, Dr. Nicole Hoffmeister-Kraut. Foto Muhammad Rasul Azli Samad

MELAKA HARI INI

06 - 251 9314 (Am)

018 - 329 9936
(Pengiklanan)

FAX : 06 - 251 9316

KETUA
PEGAWAI EKSEKUTIF
NASHARUDDIN
MUHAMMAD

KETUA PENGARANG
MOHD SALMAN HAMAT